

**Calon: Umno Permatang Pauh Akur Pilihan Perdana Menteri
Bernama
13 Disember, 2012**

BUKIT MERTA JAM, 13 Dis (Bernama) -- Umno Permatang Pauh akan menyokong penuh siapa juga calon yang diputuskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk bertanding di kawasan itu pada pilihan raya umum ke-13.

Ketuanya Datuk Abdul Jali Abdul Majid berkata beliau yakin calon yang dipilih mampu memberi kemenangan kepada parti kerana sokongan pengundi di situ terhadap Umno dan Barisan Nasional (BN) semakin meningkat.

"Saya boleh beri jaminan anggota parti kita tidak akan mensabotaj (calon) dan jika ada yang didapati berbuat demikian, tindakan tegas akan diambil," katanya kepada pemberita, di sini Khamis.

Abdul Jalil yang juga Pengerusi BN Permatang Pauh, berkata masyarakat setempat mula menunjukkan perubahan terhadap Umno dengan hadir pada program yang dianjurkan parti.

"Saya tidak mahulah rasa selesa, tapi saya bersyukur orang di Permatang Pauh sudah mula tunjukkan perubahan dengan memberi sokongan kepada Umno.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=915277>